

Lim Ah Lek mahu keahlian MCA 'dibersihkan' sebelum pemilihan

UM 17 JUN 2002
GENTING HIGHLANDS 16 Jun — Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek tetap mahukan senarai keahlian MCA 'dibersihkan' terlebih dahulu sebelum pemilihan parti boleh diadakan.

Beliau berkata, walaupun pemilihan parti pada tahun ini sedang diusahakan supaya diadakan tanpa pertandingan tetapi usaha pembersihan itu tetap perlu dilakukan.

Malah, tegasnya, kesediaan untuk menerima pelan damai tajaan Perdana Menteri adalah disebabkan oleh keyakinan bahawa usaha pembersihan senarai ahli itu akan dilakukan.

Ini kerana, katanya, usaha pembersihan itu terkandung dalam pelan damai asal yang dirangka oleh Dr. Mahathir tetapi telah ditiadakan menerusi pindaan yang dilakukan oleh Jawatankuasa Pusat (CC) parti.

"Hanya dengan pembersihan

itu, pemilihan akan datang dapat diadakan dengan adil dan keputusannya dihormati bukan sahaja oleh ahli-ahli MCA tetapi juga pemimpin Barisan Nasional (BN) dan seluruh masyarakat Cina," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui oleh pemberita selepas merasmikan Konvensyen MCA Pahang di sini hari ini.

Turut hadir ialah Pengerusi MCA Pahang, Datuk Chan Kong Choy.

Ah Lek berkata, beliau akan memastikan senarai ahli MCA itu dibersihkan daripada 'ahli hantu' bagi memastikan pemimpin yang dipilih juga adalah pemimpin yang bersih. ■

Katanya, beliau juga akan berusaha untuk bertemu Dr. Mahathir bagi menjelaskan keperluan terhadap usaha pembersihan itu.

Bagaimanapun, katanya,

pada masa ini, MCA perlu membuat persediaan menghadapi pilihan raya umum yang dijangka diadakan tidak lama lagi.

Katanya, sebarang usaha yang boleh memecahbelahkan perpaduan parti perlu dielakkan bagi memastikan jenbra pilihan raya tidak tejejas.

Mengenai senarai tunggal untuk pemilihan tahun ini, Ah Lek berkata, beliau sentiasa berusaha bagi memastikan formula yang dipersetujui dalam pelan damai itu dipatuhi oleh ahli-ahli.

"Bagaimanapun, masih ada negeri yang gagal menyediakan satu senarai tunggal yang dikehendaki itu," jelasnya.

Mengenai pengganti beliau dan Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik yang dikatakan antara perkara yang terkandung dalam pelan damai itu, Ah Lek berkata, perkara itu adalah 'maklumat rahsia'.